

# DAYGUARD CAPSULES

Vitamin A Palmitate (4500 i.u)

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DAYGUARD
2. Bagaimana DAYGUARD berfungsi
3. Sebelum menggunakan DAYGUARD
4. Cara menggunakan DAYGUARD
5. Semasa menggunakan DAYGUARD
6. Kesan-sampangan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DAYGUARD
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan DAYGUARD

DAYGUARD digunakan sebagai makanan nutrisi tambahan.

## Bagaimana DAYGUARD berfungsi

Vitamin A memainkan peranan penting dalam proses penglihatan. DAYGUARD mengurangkan simptom kekurangan Vitamin A seperti rabun malam serta membaiki keadaan kulit kering.

## Sebelum menggunakan DAYGUARD

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil DAYGUARD jika anda:

- hipersensitif kepada Vitamin A atau bahan lain dalam produk ini.
- alah kepada kekacang kacang tanah kerana DAYGUARD mengandungi minyak Arachis (minyak kacang).
- mempunyai kadar vitamin A yang terlalu tinggi dalam badan (ketoksikan vitamin A).

Beritahu doktor anda jika anda fikir mana-mana perkara ini ada pada anda.

### - Sebelum menggunakan DAYGUARD

Doktor anda perlu tahu sebelum anda mengambil DAYGUARD jika anda:

- Mengambil vitamin, mineral atau produk tambahan yang lain yang mengandungi atau tidak mengandungi vitamin A.

Beritahu doktor anda jika perkara di atas berkait dengan anda. Anda mungkin memerlukan pemeriksaan tambahan, termasuk pemeriksaan darah, semasa mengambil ubatan anda.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain, jika anda mula mengambil apa-apa ubat baru-baru ini atau anda mula mengambil ubat yang baru. Ini termasuk ubat-ubatan yang anda boleh dapatkan tanpa preskripsi. Sesetengah ubat berinteraksi dengan DAYGUARD. Ini termasuk:

- *cholestyramine, untuk merawat kolesterol*

Beritahu doktor anda jika anda mengambil cholestyramine. Doktor anda mungkin perlu untuk memantau anda kerana cholestyramine boleh mengurangkan kadar penyerapan vitamin A.

- *minyak mineral.*

Minyak mineral menganggu penyerapan vitamin A di usus.

- *kontraseptif oral*

Kadar vitamin A dalam plasma meningkat bagi individu yang mengambil kontraseptif oral semasa mengambil DAYGUARD. Doktor anda perlu tahu jika anda mengambil kontraseptif oral.

## Kehamilan dan menyusukan anak

DAYGUARD boleh diambil oleh wanita hamil dan wanita yang menyusukan anak dengan pengesyoran doktor.

## Cara menggunakan DAYGUARD

### - Berapa banyak harus digunakan

Satu kapsul sehari.

### - Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk mengambil satu dos, ambil sebaik sahaja anda ingat. Kemudian meneruskan rawatan anda seperti dahulu. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda secara tidak sengaja mengambil terlalu banyak DAYGUARD, beritahu doktor anda atau ahli farmasi anda atau hubungi jabatan kecemasan hospital terdekat untuk nasihat lanjut.

Kesan sampangan terjadi apabila mengambil DAYGUARD capsule secara berlebihan. Ini boleh mengakibatkan ketoksikan vitamin A. Kesan sampangan terlebih dos:

- Letih / lesu
- Sakit perut
- Hilang selera
- Muntah

## Semasa menggunakan DAYGUARD

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan DAYGUARD.

- **Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi DAYGUARD dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

- **Perkara yang perlu diberi perhatian**

*Memandu dan menggunakan jentera*

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

**Kesan-sesan sampingan**

Jika anda mendapat apa-apa kesan sampingan, beritahu doktor atau ahli farmasi anda. Ini termasuk apa-apa kesan sampingan yang mungkin tidak disenaraikan di dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan DAYGUARD**

- **Penyimpanan**

Simpan ubat ini daripada penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Simpan di tempat yang kering, di bawah 27 °C dan lindungi dari cahaya

**-Pelupusan**

Jangan gunakan ubat anda selepas tarikh yang dicatatkan sebagai tarikh luput pada bungkus.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi

anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- **Rupa dan warna produk**

Kapsul gelatin lembut berbentuk bulat, berwarna kuning lutsinar, dan mengandungi minyak.

- **Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif
  - Vitamin A palmitate
- Bahan tidak aktif
  - BHA
  - Arachis Oil

- **Nombor MAL**

MAL19987383X

**Pengilang**

Softesule Pvt Ltd.,  
86-A, L.B.S. Marg,  
Mulund (West),  
Mumbai- 400 080,  
India.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Unimed Sdn Bhd  
53, Jalan Tembaga SD 5/2B,  
Bandar Sri Damansara,  
52200, Kuala Lumpur, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

02/05/2018

**Nombor Siri**

NPRA(R4/1)020418/00089